




Factsheet CAT16

Kategori-kategori kerja berkenaan kanak-kanak 16: khidmat pengangkutan khas untuk kanak-kanak

Malay | Bahasa Melayu



Khidmat pengangkutan khas untuk kanak-kanak ertinya digunakan oleh kanak-kanak sahaja, bukan khidmat untuk masyarakat umum yang juga membawa kanak-kanak.

Jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak

Di bawah ini ada beberapa jawatan yang dianggap [kerja berkenaan kanak-kanak](#). Harap ingat, dalam semua hal, jawatan itu dianggap kerja berkenaan kanak-kanak kalau **tugas biasa (usual duties)** jawatan itu mesti ada, atau boleh dikatakan ada, **kontak (contact)** dengan seorang **kanak-kanak (child)**. Jawatan yang berkenaan termasuk:

- Pemandu bas Transperth yang tugasnya juga biasa menyediakan pengangkutan untuk kanak-kanak
- pemandu limosin untuk majlis kanak-kanak, majlis tari menari sekolah atau khidmat lain khas untuk kanak-kanak
- khidmat sewa koc untuk sekolah, misalnya untuk lawatan bersiar-siar, khemah atau karnival sekolah
- pekerja bergaji atau sukarelawan yang membawa kanak-kanak untuk aktiviti, misalnya untuk acara sukan.

Exemption (kelonggaran)

Ada beberapa [exemption](#) untuk kategori ini:

- **sukarelawan (volunteers)** muda – kerja yang dilakukan oleh sukarelawan bawah umur 18 tahun
- **pelajar (students)** yang menjalani latihan praktikal tidak dibayar gaji dan umurnya kurang 18 tahun
- **pelawat yang tinggal tidak lama (short-term visitors)** di WA
- kalau kanak-kanak menjadi penumpang, atau biasanya menjadi penumpang, dan **ibu atau bapanya (parent)** menjadi sukarelawan dalam khidmat pengangkutan yang sama, lihat [Factsheet CRW03 – Exemptions, the parent volunteer exemption](#)
- acara besar nasional atau jelajah nasional, lihat [Factsheet CRW02 – Exemptions, one-off national events and national tours.](#)

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di
www.workingwithchildren.wa.gov.au